



LAPORAN LIPUTAN MEDIA ISNIN / 5 FEBRUARI 2018

- 1. MADA RAI KAKITANGAN CEMERLANG**
 - **SINAR HARIAN**

**DISEDIAKAN OLEH:
CAWANGAN KOMUNIKASI KORPORAT
(MADA)**

KERATAN AKHBAR : SINAR HARIAN
TARIKH : 10 APRIL 2018 (SELASA)
PERKARA : PROGRAM

Mada rai kakitangan cemerlang

ALOR SETAR - Seramai 114 orang pegawai dan kakitangan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (Mada) yang menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2017 membawa pulang sijil simpanan premium (BSN) bernilai RM1,000.

Timbalan Menteri Kewangan 1 merangkap Pengerusi Mada, Datuk Othman Aziz berkata, kakitangan terlibat pengiktirafan dalam Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang di Royale Signature Hotel, di sini, kelmarin.

Katanya, pihak Mada ingin memberi pengiktirafan dan penghargaan atas sumbangan pegawai dan kakitangan menunjukkan prestasi cemerlang sepanjang tahun lepas melalui majlis itu.

"Saya berharap ia dapat menggalakkan pegawai dan kakitangan untuk terus memberikan komitmen yang terbaik dalam mempertingkatkan mutu kerja yang berkualiti tinggi.

"Secara tidak langsung, ia mewujudkan persaingan yang sihat dalam kalangan semua pegawai dan kakitangan Mada untuk membuktikan keupayaan masing-masing bagi menghasilkan perkhidmatan yang terbaik," katanya.

Katanya, beliau berharap ia turut membantu merealisasikan impian menjadikan Mada sebuah agensi yang terulung dalam memperjuang-



Othman (kiri) menyampaikan sijil kepada kakitangan Mada.

Saya berharap ia dapat menggalakkan pegawai dan kakitangan untuk terus memberikan komitmen yang terbaik dalam mempertingkatkan mutu kerja yang berkualiti tinggi." - Othman

kan kelestarian keselamatan makanan negara.

Terdahulu, Mada turut memberi pengiktirafan Anugerah Khas kepada tiga kakitangan yang melonjakkan imej Mada dan kementeriannya, sekali gus mengharumkan nama negara peringkat antarabangsa.

Anugerah Khas tersebut diraikan sempena kejayaan Nabil Habibullah, 21, dan Shafik

Shamsudin, 31, dalam Kejohanan Dunia Tarik Tali di Xuzhou China dan juga pelantikan Zaini Shafie, 51, sebagai Jurulatih Pasukan Piala Belia Bawah 19 Tahun Kedah Darul Aman.

